

16/07/1999

Mahfuz enggan debat di TV

ALOR STAR, Khamis - Ketua Dewan Pemuda Pas, Mahfuz Omar enggan menyahut cabaran Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein supaya berdebat di stesen televisyen antarabangsa.

Sambil mempersoalkan rasional terhadap cabaran Hishammuddin supaya debat terbuka mengenai isu semasa itu diadakan di stesen televisyen luar negara, Mahfuz berkata ia bercanggah dengan pendirian Barisan Nasional (BN) mengenai media asing.

Menurutnya, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir sendiri sering membidas media asing yang dikatakan memutar belit keadaan sebenar di negara ini.

"Tetapi kini, Ketua Pemuda Umno mahu mengadakan debat dengan pembangkang menerusi CNN dan CNBC," katanya pada persidangan akhbar di sini hari ini.

"Sehubungan itu ia jelas menunjukkan ada percanggahan pandangan antara Hishammuddin dan Dr Mahathir berhubung media asing," katanya.

(END)